Jurnal KITAB, Bil. 3 (3, Jun), 2026, 9-19
https://10.51200/kitab.v3i1.8528
Received: 12 Dis 2025
Accepted: 10 Apr 2026
Published: 12 Jun 2026

TANGGUNGJAWAB GURU PENDIDIKAN ISLAM SEBAGAI TEKNO DAIE MASA KINI: SUATU SOROTAN CABARAN DAN CADANGAN

[*THE RESPONSIBILITIES OF ISLAMIC EDUCATION TEACHERS AS CONTEMPORARY TECHNO-DA'IS: A REVIEW OF CHALLENGES AND PROPOSED RECOMMENDATIONS*]

Mohd Azam Mahat[1], Mohd Aliff Nawi[2], Mohd Zailani Mohd. Yusoff[3]

[1,2,3]Universiti Utara Malaysia, Changlun, m_azam_mahat@ahsgs.uum.edu.my, aliffnawi@uum.edu.my, myzailani@uum.edu.my

ABSTRAK

Perkembangan teknologi maklumat mempengaruhi langskap pendidikan semasa. Dengan kecanggihan teknologi, masyarakat dapat mengekses ilmu pengetahuan dengan mudah dan cepat. Penggunaan teknologi juga menjadikan sesuatu pengajaran lebih menarik dan memudahkan proses penyampaian dilakukan. Namun begitu, kemajuan teknologi ini turut memberikan cabaran khususnya kepada guru Pendidikan Islam terutamanya dalam menggalas tanggungjawab sebagai pendakwah di sekolah. Kajian ini bertujuan untuk menjelaskan peranan guru Pendidikan Islam sebagai tekno Daie. Melalui penulisan ini, pengkaji akan menjelaskan isu dakwah dan cabaran teknologi masa kini kepada guru Pendidikan Islam, pengenalan istilah Tekno Daie, guru Pendidikan Islam sebagai Tekno Daie di sekolah. penggunaan teknologi maklumat dan komunikasi sebagai medium dakwah di sekolah. Diakhir penulisan ini juga pengkaji turut berkongsi cadangan tindakan yang perlu dilakukan oleh guru Pendidikan Islam sebagai Tekno Daie di sekolah. Kesimpulannya, guru Pendidikan Islam tidak seharusnya ketinggalan dalam memanfaatkan kemajuan teknologi masa kini dalam berperanan sebagai Tekno Daie di sekolah. Kegagalan guru Pendidikan Islam memanfaatkan penggunakan teknologi masa kini akan menyebabkan ia digunakan oleh pihak yang tidak bertanggungjawab menyebarkan dakyah mereka dan akhirnya dakwah gagal disampaikan kepada sasaran.

Kata kunci: Dakwah, guru Pendidikan Islam, Tekno Daie

ABSTRACT

The development of information technology has influenced the contemporary educational landscape. Advances in technology have enabled society to access knowledge easily and rapidly. The use of technology has also made teaching and learning more engaging while facilitating the delivery of educational content. Nevertheless, these technological advancements have also presented challenges, particularly for Islamic Education teachers, in fulfilling their responsibilities as preachers within the school environment. This study aims to elucidate the role of

Islamic Education teachers as Techno-Da'is. In this paper, the researcher discusses issues pertaining to da'wah and the challenges posed by contemporary technology to Islamic Education teachers, introduces the concept of the Techno-Da'i, examines the role of Islamic Education teachers as Techno-Da'is in schools, and explores the use of information and communication technology (ICT) as a medium for da'wah in the school environment. The paper also presents recommendations for actions that Islamic Education teachers should undertake in fulfilling their roles as Techno-Da'is in schools. In conclusion, Islamic Education teachers should not lag behind in leveraging contemporary technological advancements to fulfil their roles as Techno-Da'is in schools. Failure to utilise modern technology effectively may allow irresponsible parties to exploit these platforms to disseminate their misleading ideologies, ultimately hindering the effective delivery of da'wah to its intended target audience.

***Keywords**: Da'wah, Islamic Education Teachers, Techno-Da'is*

PENDAHULUAN

Guru Pendidikan Islam memiliki tanggungjawab yang sangat besar. Mereka dianggap sebagai agen perubahan yang berperanan memastikan segala hasrat yang terkandungan dalam Falsafah Pendidikan Kebangsaan tercapai (Habib Mat Som & Syed Kamaruzzaman Syed Ali 2016). Para pelajar yang beragama Islam perlu dipastikan memiliki penghayatan terhadap ajaran Islam dan diamalkan dalam kehidupan seharian mereka (Habibah @ Artinie Ramlie et al., 2016). Dapatlah difahami bahawa, tugas sebagai guru Pendidikan Islam bukan sahaja sekadar menyampaikan ilmu semata-mata tetapi turut berperanan membentuk kefahaman, penghayatan dan beramal dengan ajaran Islam yang sebenar.

Konsep 5 mim yang diperkenalkan oleh Ab. Halim Tamuri (2012) memberi perincian terhadap peranan guru Pendidikan Islam, menurut beliau guru Pendidikan Islam bertanggungjawab sebagai *muaddib* (penerap adab), *murabbi* (pendidik rohani), *mu`alim* (perangsang kea rah peningkatan kualiti), *mursyid* (pembentuk jati diri) dan *mudarris* (pengajar). Konsep ini juga sering dijadikan rujukan dalam menilai kualiti guru Pendidikan Islam (Noornajihan Jaafar & Zetty Nurzuliani Rashed, 2015). Manakala menurut Wan Ali Akbar Wan Abdullah et al. (2021), sehingga kini, berlakunya penambahan terhadap konsep 5 min oleh para sarjana bagi memperincikan tugas dan peranan guru Pendidikan Islam dengan menambah konsep *muwajjih* (kaunselor), *muslih* (pembersih jiwa), *mukhlis* (guru yang ikhlas), *muzakki* (pembersih jiwa) dan *mubdi'* (penghasil inovasi). Namun, jika dilihat secara terperinci, kesemua konsep ini menjurus kepada peranan guru Pendidikan Islam sebagai pendakwah di sekolah, kerana dengan berperanan sebagai pendakwah, barulah kesemua konsep ini terlaksana.

Oleh itu, guru Pendidikan Islam perlu memastikan tugas dan tanggungjawab sebagai pelaksana aktiviti dakwah di sekolah tidak dipinggirkan kerana ia merupakan tugas hakiki seorang guru Pendidikan Islam (Noor Azimah Surip et al., 2019; Nor Raudah Siren et al., 2016; Razaleigh Muhamat @ Kawangit,

2016; Rosnijah Arolah & A'dawiyah Ismail, 2019). Namun, tugas ini semakin mencabar kerana seiring dengan kemajuan teknologi dan zaman, metode dakwah perlu disesuaikan agar tidak ketinggalan zaman.

ISU DAKWAH DAN CABARAN KEMAJUAN TEKNOLOGI.

Kemajuan teknologi sentiasa berkembang pesat. Orang yang tidak mahu menerima perubahan pasti akan ketinggalan. Perkembangan ini akan sentiasa berlaku, sebagai contoh, penggunaan telefon bimbit, dianggap sebagai kehendak satu ketika dahulu, namun kini ia telah menjadi satu keperluan kepada setiap orang untuk memiliki telefon bimbit. Kecanggihan teknologi komunikasi masa kini menyebabkan manusia pantas memperolehi maklumat terkini dengan mudah. Revolusi Industri 4.0 yang sedang berlaku ini menuntut para guru Pendidikan Islam khususnya agar perlu bersedia dengan perubahan teknologi dan dimanfaatkan dalam proses Pendidikan dan dakwah di sekolah (Ahim, 2020; Zakaria et al., 2020).

Generasi masa kini sangat tidak asing dengan penggunaan teknologi maklumat dan komunikasi, begitu juga di negara kita. Berlaku peningkatan terhadap penggunaan media sosial dan internet semenjak negara dilanda pandemik Covid-19. Malaysia telah mencatatkan pengguna media sosial sebanyak 28 juta pengguna atau bersamaan 86 peratus daripada jumlah penduduk negara ini (Majid et al., 2022). Keadaan ini bertepatan dengan pandangan Klaus Schawab (2017) bahawa Revolusi Industri 4.0 telah merubah penerimaan masyarakat dunia terhadap kemajuan lanskap dunia moden, dimana manusia bebas memanfaatkan teknologi untuk memudahkan urusan seharian mereka.

Melihat kepada realiti ini, guru Pendidikan Islam seharusnya tidak ketinggalan. Mereka seharusnya memanfaatkan peluang ini untuk menyampaikan dakwah khususnya kepada anak didik mereka. Menurut Abas et al. (2017) jika dakwah disebarkan dengan memanfaatkan teknologi masa kini, sasaran dakwah akan semakin dekat kerana ia bersifat *ubiquitous learning*, iaitu pembelajaran bersifat fleksibel bersesuai dengan realiti pelajar masa kini. Bagi generasi Y dan Z, teknologi bukan sekadar gajet tetapi sangat sebati dengan kehidupan mereka. Mereka menggunakan teknologi bukan sekadar untuk berkomunikasi, bahkan menggunakan ia untuk mendapatkan pelbagai pengetahuan dan maklumat.

Kecanggihan teknologi ini tidak sahaja menjanjikan perkara yang indah semata-mata. Seiring dengan kemajuan ini, turut muncul ancamannya terutamanya isu berkaitan dengan dakwah. Hakikatnya kemajuan teknologi ini turut diambil manfaat oleh mereka yang tidak bertanggungjawab untuk merosakan pemikiran para pelajar dengan mempromosikan elemen pornografi. Menurut Azrina et al. (2021), Malaysia negara keempat tertinggi di dunia melayari laman sesawang pornografi sepanjang tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) yang lalu, di mana ia turut memberi kesan kepada golongan remaja dan kanak-kanak yang melayari internet.

Bukan itu sahaja, kemajuan teknologi maklumat dan komunikasi ini juga turut diambil peluang oleh sesetengah pihak untuk menyampaikan ajaran yang bertentangan dengan ajaran Islam yang sebenar. Majid et al., (2022) menjelaskan adalah sangat membimbangkan dengan kemunculan beberapa laman sesawang yang menyampaikan ajaran yang menyimpang daripada Islam sebenar, kebanyakan laman sesawang ini diuruskan oleh mereka yang tidak mempunyai kredibiliti dan autoriti. Pemikiran liberal, sekular dan ajaran berfahaman syiah turut dipromosikan melalui teknologi maklumat masa kini. Bahkan menurut Norazam Nordin et al., (2022) semasa berlakunya pendemik di Malaysia, usaha dakwah menjadi semakin mencabar kerana berlakunya lambakan maklumat yang tidak sahih seperti hadis-hadis dan amalan palsu dan dikongsikan dalam media sosial sehingga menimbulkan kekeliruan masyarakat.

Terdapat juga para pendakwah sama ada dari dalam mahupun luar negara yang menggunakan platform media sosial untuk menyampaikan isu-isu agama yang tidak bersesuaian dengan keadaan masyarakat Malaysia yang berbilang agama, bangsa dan kaum sehingga boleh memberi kesan yang negatif terhadap Islam (Majid et al., 2022; Othman & Badruddin, 2020). Para pendakwah ini mungkin berbicara khusus untuk masyarakat di negara mereka yang bermazhab lain dan masyarakatnya tidak terdiri dari pelbagai agama dan bangsa. Namun disebabkan ia dikongsi melalui media sosial, ia dapat disebarkan di serata tempat dan berkemungkinan tidak sesuai dengan realiti di negara kita. Hal ini termasuklah isu berkaitan perbincangan berkaitan akidah, amalan dan fatwa sehingga menyebabkan kekeliruan dalam kalangan masyarakat (Borham, 2018).

Keadaan ini dikeruhkan lagi dengan sesiapa sahaja bebas untuk mengutarakan pendapat sehingga muncul para pendakwah 'mi segera'. Mereka yang tidak mempunyai latar belakang pendidikan agama, menyampaikan ceramah, berkongsi tulisan, menjawab persoalan berkaitan agama sehingga berlaku kekeliruan. Hakikatnya kebanjiran maklumat ini juga turut melahirkan para pendakwah jadi-jadian yang akhirnya mereka sendiri terkeliru dan menjadi fitnah kepada agama Islam itu sendiri (Rosline & Latif, 2021). Kadang-kala, mereka yang dilihat sebagai pendakwah di alam siber ini turut terpalit dengan masalah sosial dan akhlak, sehingga ada yang mengeluarkan kata-kata kesat apabila ditegur akan kesilapannya menyampaikan dakwah (Ahmad Termimi et al., 2013).

Oleh itu, guru Pendidikan Islam perlu turut serta memanfaatkan medium ini untuk menyampaikan dakwah kepada masyarakat khususnya kepada anak didik mereka. Membiarkan ruang ini dimanfaatkan oleh mereka yang tidak selayaknya akan menyebabkan generasi ini diancam dengan lambakan unsur-unsur negatif terutamanya hal-hal yang berkaitan ajaran agama Islam. Para pelajar perlu didedahkan dengan maklumat yang tepat, sahih dan seterusnya dapat memberikan mereka kefahaman ajaran Islam yang sebenar dan boleh diaplikasikan dalam kehidupan seharian (Mohamed Mokhtar, 2021).

ISTILAH TEKNO DAIE

Istilah Tekno Daie digunakan secara meluas merujuk kepada segolongan individu yang menyampaikan dakwah menggunakan teknologi masa kini. Istilah ini berasal daripada gabungan dua perkataan, *techno* bermaksud sains gunaan dan perkataan *daie* yang merujuk kepada pendakwah (Wan Adli & Muhammad Kamil, 2006). Menurut Abd Ghani (2004), Tekno Daie ialah individu yang melaksanakan aktiviti dakwah secara professional dengan menggunakan kecanggihan teknologi maklumat dan komunikasi. Aktiviti dakwah yang dilaksanakan oleh Tekno Daie sering dirujuk sebagai e-dakwah iaitu pelaksanaan aktiviti dakwah secara maya atau secara dalam talian (Bushral Huda & Muhammad Faisal, 2014). Dapatlah difahami bahawa dua konsep utama yang boleh dikaitan dengan istilah Tekno Daie ini ialah teknologi yang merujuk kepada penggunaan peralatan dan kemudahan teknologi dan yang keduanya ialah usaha individu mengajak manusia mengamalkan ajaran Islam (Earnie Elmie, 2014).

Manakala menurut (Zamri & Osman, 2022) menegaskan bahawa, Tekno Daie bukan sekadar merujuk kepada individu bahkan ia boleh jadi dalam bentuk sebuah organisasi yang terdiri daripada mereka yang memiliki pengetahuan dalam bidang agama sebagai *content provider* yang bertanggungjawab menentukan pengisian konten, serta terdiri daripada mereka yang memiliki kemahiran dalam bidang teknikal yang bertindak sebagai *technology enabler*. Gabungan kedua-dua kemahiran ini bermatlamat untuk mengajak manusia ke arah kebenaran.

GURU PENDIDIKAN ISLAM SEBAGAI TEKNO DAIE DI SEKOLAH

Sekolah merupakan medium yang terbaik buat guru Pendidikan Islam menyampaikan dakwah Islamiah. Jika dahulu tanggungjawab ini dilaksanakan secara tradisional melalui ceramah, kuliah dan tazkirah, kini ia perlu disesuaikan dengan perkembangan teknologi semasa. Menerusi resolusi yang dicapai melalui Simposium Dunia Dakwah Digital Tahun 2021 yang menyatakan bahawa perlunya anjakan paradigma dilakukan di institusi Pendidikan Islam di semua peringkat supaya kandungan ajaran Islam digabungakan Bersama penggunaan teknologi, disamping mewujudkan ekosistem dakwah digital yang dibangunkan secara sistematik (Baharudin Othman, 2021).

Jika di sekolah, guru Pendidikan Islam yang memiliki kemahiran teknologi boleh berperanan sebagai Tekno Daie secara individu. Menurut (Nawi, 2021), guru Pendidikan Islam hendaklah memanfaat teknologi bukan sahaja ketika proses pembelajaran dan pengajaran dalam kelas tetapi turut memanfaatkan ia dalam pelaksanaan aktiviti dakwah. Hal ini boleh dilaksanakan dengan memanfaatkan platform media sosial seperti Facebook, Twitter, YouTube, Whatsapp dan pelbagai lagi dalam menyampaikan risalah Islam. Kajian yang dijalankan oleh Siti Fatihah Osman (2023) mendapati, guru Pendidikan Islam yang memanfaatkan media sosial dan bahan digital dalam menyampainya lebih menarik minat murid dan menambahkan pengetahuan mereka berbanding kaedah pengajaran biasa.

Selain itu, guru Pendidikan Islam boleh juga berperanan sebagai Tekno Daie melalui penglibatan dalam organiasi seperti Panitia Pendidikan Islam di peringkat sekolah, daerah, negeri atau secara kolaboratif dengan guru-guru mata pelajaran lain yang memiliki kemahiran teknologi maklumat. Sebagai contoh, Bahagian Pendidikan Islam, Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) ada mewujudkan e-Murabbi@KPM, manakala Jabatan Pendidikan Negeri Johor (JPNJ) menubuhkan e-Jauhar sebagai platform dalam memberi bimbingan Pendidikan Islam secara digital, di mana organisasi ini terdiri daripada bukan sahaja guru Pendidikan Islam bahkan guru-guru dan kakitangan yang memiliki kemahiran digital.

PENGGUNAAN TEKNOLOGI MAKLUMAT DAN KOMUNIKASI SEBAGAI MEDIUM DAKWAH DI SEKOLAH

Dakwah merupakan satu usaha mengajak manusia kepada kebaikan dan meninggalkan perkara kemungkaran yang ditegah oleh Allah SWT (Abdullah, N. E. A. & Abdullah, 2019; Kamarul Azmi Jasmi & Mohd Faeez Ilias, 2011). Dakwah berkait rapat dengan kemahiran menyampaikan risalah dah ia merupakan satu proses yang dinamik, fleksibel, seiring dengan perubahan namun masih kekal hala tuju dan tujuan yang jelas untuk mengajak manusia mendekatkan diri kepada Allah SWT (Zulkiple, 2000). Dapatlah difahami bahawa usaha dakwah boleh dilaksanakan dalam pelbagai bentuk selagi mana tidak bertentangan dengan syariat, dan dalam masa yang sama mampu menyampaikan ajaran Islam yang sebenar.

Tidak dapat dinafikan kini bahawa TMK merupakan medium yang efisyen masa kini bagi menyebarkan maklumat terutamanya berkaitan ajaran Islam kepada masyarakat dan khususnya kepada para pelajar di sekolah (Halim et al., 2019). Kemajuan ini perlu diisi segara oleh para guru Pendidikan Islam kerana ia semakin berkembang pesat. Syarikat Microsoft misalnya telah membelanjakan sebanyak USD 19.3 bilion pada tahun 2020 hanya untuk R&D, begitu juga dengan syarikat Amazon, Google dan Samsung yang saban hari berusaha untuk membangunkan teknologi terkini (Ghani, 2021). Alangkah ruginya jika peluang ini tidak dimanfaatkan dengan menyediakan pengisian dakwah yang sesuai kepada para pelajar.

Dengan fenomena ini, pelajar dapat memperolehi maklumat yang ingin disampaikan dengan cara yang paling mereka sukai. Memanfaatkan ruang ini dengan aktiviti dakwah sudah pasti dapat membentuk tingkahlaku para pelajar. Hal ini boleh dilihat dengan Teori Penerimaan Model Teknologi atau dalam Bahasa Inggerisnya ialah *Technology Acceptance Model* (TAM). TAM telah dikembangkan oleh Fishbien daripada teori *Theory of Reasoned Action* (TRA) yang dikemukakan Azjen (Mahyarni, 2013). Dengan mengandaikan motif dan tingkahlaku seseorang dalam menerima maklumat, ia boleh mempengaruhi sikap, pandangan dan keputusan seseorang (Borham, 2018). Oleh yang demikian, sekiranya seseorang itu didedahkan dengan perkara yang positif, maka ia cenderung untuk membangunkan nilai positif individu tersebut (Shirley et al., 2008).

Oleh itu, adalah sangat penting, para guru Pendidikan Islam memainkan peranan mereka memperbanyakan pengisian yang positif dan memberi manfaat di alam siber kerana ia sudah pasti mempengaruhi kepercayaan, sikap dan tingkahlaku para pelajar. Sekiranya perkara yang negatif dibiarkan berleluasan di alam siber, maka ia juga pasti memberi kesan buruk kepada mereka.

Bagi memastikan usaha dakwah menggunakan TMK ini berkesan dan tidak tersasar daripada matlamatnya ia seharusnya berpandukan kepada firman Allah SWT dalam Surah An-Nahl ayat 125. Allah SWT memerintahkan manusia untuk menyampaikan dakwah secara berhikmah, memberi nasihat dan pengajaran yang baik serta berbahas dengan kaedah yang baik. Menurut Kamarudin et al. (2019), berdasar ayat ini terdapat prinsip utama dalam berdakwah iaitu dakwah hendaklah dilaksanakan secara hikmah. Al-Hikmah menurutnya lagi mempunyai pelbagai maksud. Pertama, al-hikmah bermaksud pelaksanaan secara bijaksana dan bersesuaian. Kedua, al-hikmah bermaksud memahami rahsia atau maksud yang tersirat. Ketiga, al-hikmah bermaksud kenabian atau nubuwwah. Keempat, bahkan ada juga yang mengatakan al-hikmah ialah ilmu yang mampu mendorong seseorang untuk melakukan sesuatu perbuatan yang bermanfaat. Jika dilihat disini, konsep hikmah dalam pelaksanaan aktiviti dakwah melalui TMK kerana ia mengambil manfaat secara bijaksana menggunakan peluang untuk mendorong orang kepada kebaikan.

MenurutJuhana Salim et al. (2011) antara punca ketidakberkesanan usaha dan kegiatan dakwah kerana tiada hikmah dengan mengabaikan manfaat yang boleh diambil melalui teknologi masa kini untuk berdakwah. Hal ini menurutnya lagi, berlaku kerana sikap tidak mahu berubah dan lebih selesa dengan pendekatan yang telah digunakan selama ini seperti pendekatan dakwah melalui ceramah dan kuliah. Penggunaan TMK dilihat antara usaha dalam memenuhi konsep al-hikmah dalam berdakwah. Merombak kaedah lama yang mungkin sudah dianggap ketinggalan zaman kepada suatu kaedah baru yang lebih mudah dan menyenangkan terutamanya dalam usaha mendekatkan diri pendakwah kepada sasaranya.

Dalam merealisasikan guru Pendidikan Islam sebagai Tekno Daie, mereka perlu memperlengkap diri dengan ilmu yang terkandung dalam al-Qur'an dan Sunnah dan menguasai teknologi dalam menyemarakkan kegiatan dakwah. Guru Pendidikan Islam seharus memikirkan bagaimana peralatan moden dengan teknologi terkini dapat dimanfaatkan bagi menyampaikan ilmu pengetahuan, penyebaran idea dan menyampaikan dakwah dengan lebih berkesan (Juhana Salim et al., 2011).

CADANGAN TINDAKAN YANG PERLU DILAKUKAN SEBAGAI TEKNO DAIE

Teknologi maklumat adalah salah satu alat yang boleh dimanfaatkan oleh guru pendidikan Islam untuk menyampaikan ilmu dan dakwah kepada murid-murid mereka. Penggunaan TMK dalam proses pengajaran dan pembelajaran (PdP) dapat meningkatkan kualiti, keberkesanan, dan kreativiti guru serta menarik minat dan

motivasi murid. Namun, penggunaan TMK juga membawa cabaran dan tanggungjawab tertentu kepada guru pendidikan Islam yang perlu dipatuhi agar tidak bertentangan dengan prinsip dan nilai Islam. Antara cadangan tindakan yang perlu dilakukan oleh guru pendidikan Islam sebagai Tekno Daie ialah:

1. Menentukan Kesesuaian.

Guru pendidikan Islam perlu memilih dan menggunakan sumber dan media TMK yang sesuai dengan matlamat, objektif, isi kandungan, dalam konteks Pendidikan Islam. Guru perlu memastikan sumber dan media TMK yang dihasilkan dan digunakan tidak mengandungi unsur-unsur yang bercanggah dengan ajaran Islam, seperti unsur-unsur syirik, maksiat, kekerasan, fitnah, dan sebagainya. Guru juga perlu mengambil kira tahap kemampuan, kebolehan, dan keperluan murid dalam menggunakan TMK. Guru perlu memberi bimbingan dan arahan yang jelas kepada murid tentang cara menggunakan TMK dengan betul dan berhemah.

2. Menggunakan Sumber Yang Boleh Dipercayai.

Guru pendidikan Islam perlu menggunakan sumber dan media TMK yang boleh dipercayai dan sahih dari segi kredibiliti, kesahihan, dan ketepatan maklumat. Guru perlu melakukan penilaian dan penapisan terhadap sumber dan media TMK yang hendak digunakan dengan merujuk kepada sumber-sumber yang berasaskan dalil dan hujah yang kukuh, seperti al-Quran, al-Sunnah, ijmak, dan qiyas. Guru juga perlu mengelakkan daripada menggunakan sumber dan media TMK yang bersifat spekulatif, tidak berasas, dan tidak beretika, seperti sumber dan media yang mengandungi unsur-unsur fitnah, hasutan, pembohongan, dan sebagainya.

3. Keseimbangan Antara Aspek Kognitif, Afektif Dan Psikomotor.

Guru pendidikan Islam perlu menggunakan sumber dan media TMK yang menunjukkan keseimbangan antara aspek kognitif, afektif, dan psikomotor. Guru perlu mengintegrasikan sumber dan media TMK yang dapat membantu murid untuk memahami, menghafal, dan mengaplikasikan ilmu yang dipelajari, serta menghasilkan sikap, nilai, dan akhlak yang mulia. Guru juga perlu menggunakan sumber dan media TMK yang dapat menstimulasi pemikiran kritis, kreatif, dan inovatif murid, serta meningkatkan kemahiran berkomunikasi, bekerjasama, dan menyelesaikan masalah.

4. Memastikan Keberkesanan.

Guru pendidikan Islam perlu menggunakan sumber dan media TMK yang dapat meningkatkan keberkesanan penghayatan Islam dari segi pencapaian hasil pembelajaran, peningkatan kualiti pengajaran, dan penambahbaikan proses pembelajaran. Guru perlu menggunakan sumber dan media TMK yang dapat menyampaikan ilmu dan dakwah dengan cara yang menarik, menarik, dan menarik, serta sesuai dengan gaya dan minat pembelajaran murid. Guru juga perlu menggunakan sumber dan media TMK yang dapat memberi maklum balas, penilaian, dan penambahbaikan yang berterusan kepada murid dan diri sendiri.

5. Mengamalkan Sikap Bertanggungjawab Dan Beretika.

Guru pendidikan Islam perlu menggunakan sumber dan media TMK dengan cara yang bertanggungjawab dan beretika. Guru perlu mematuhi undang-undang, peraturan, dan etika yang berkaitan dengan penggunaan TMK, seperti hak cipta, privasi, keselamatan, dan sebagainya. Guru juga perlu menjaga akhlak dan adab dalam menggunakan TMK, seperti tidak menyalahgunakan TMK untuk tujuan yang tidak baik, seperti menghina, memfitnah, menipu, dan sebagainya. Guru juga perlu mengambil kira kesan penggunaan TMK terhadap diri sendiri, murid, masyarakat, dan alam sekitar, serta mengambil langkah-langkah yang sewajarnya untuk mengelakkan atau mengurangkan kesan negatif yang mungkin timbul.

PENUTUP

Dunia tanpa sempadan memberi peluang kepada setiap inividu memperolehi pengetahuan dan maklumat yang mereka inginkan. Generasi yang lahir di era ledakan teknologi ini memiliki cara hidup dan berfikir yang berbeza dengan generasi sebelumnya. Mereka menjadikan teknologi maklumat sebagai satu keperluan dalam kehidupan mereka seharian. Melihat kepada situasi ini, guru Pendidikan Islam perlu mempersiapkan diri mereka dengan pengetahuan dan kemahiran berkaitan teknologi dan berperanan sebagai Tekno Daie. Kegagalan guru Pendidikan Islam menyahut cabaran ini akan menyebabkan mereka ditolak dan ditinggalkan oleh arus perubahan. Jika dibiarkan, peluang ini akan digunakan oleh pihak yang tidak bertanggungjawab untuk menjauhkan anak-anak didik, para pelajar daripada ajaran Islam. Dakwah seharusnya bersifat dinamik dan fleksibel, berubah mengikut kesesuaian zaman, namun masih mengikut syariat Islam yang telah dietatpkan. Menurut Kamarudin et al. (2019) sebagai pendakwah, guru Pendidikan Islam perlu bijak memanfaatkan kemudahan teknologi ini sebagai medium penyampaian dakwah dan tidak membiarkan peluang di dipersia-siakan begitu sahaja.

RUJUKAN

Ab. Halim Tamuri. (2012). The Role of Mosque: The Intergration Approach of The Teaching and Learning Process. *International Conference on Research in Islamic and Arabic Languange Education 2012*.

Abas, H., Yussof, R. L., Tukiman, Z., & Ramli, R. (2017). Apps: Platform Dakwah Untuk Generasi Y Dan Z. *Prosiding Seminar Antarabangsa Dakwah Ke-3 : Dakwah Dalam Dunia Terhubung*.

Abd Ghani, Z. (2004). Kepentingan Golongan Tekno-Da'i Dalam Penyebaran Dakwah. *Jurnal Usuluddin*, *19*, 171–184.

Ahim, R. (2020). Dakwah Islamiah mendepani cabaran revolusi industri 4.0. In *Journal of Asian Islamic Higher Institutions (JAIHI)journal* (Vol. 5).

Ahmad Termimi, M. A., Meeranghani, K. A., & Ramli, R. Bin. (2013). Dakwah Siber: Etika Dan Akhlak. *Prosiding Seminar Kebangsaan Pengajian Akidah Dan Agama*, 455–472.

Azrina, N., Azura, N., Rahman, A., Tengku, M., Razak, A., & Akmal, N. N. (2021). Pornografi Dalam Kalangan Remaja Generasi Z Menurut Perspektif Islam. *Research in Islamic Studies*, *8*(2), 67–78.

Baharudin Othman (Ed.). (2021). *Prosiding Simposium Dunia Dakwah Digital 2021*. Institut Pengajian Islam dan Dakwah Sabah.

Borham, A. H. (2018). Media Baharu dan Impak Terhadap Dakwah. *Sains*, *10*, 51–60.

Earnie Elmie. (2014). Peranan tekno daie dalam berdakwah di era teknologi maklumat dan komunikasi (ict). *Seminar Antarabangsa Fakwah & Etnik 2014: Da'wah & Ethnicity: Multidisciplinary Perspective*, 1–11.

Ghani, Z. A. (2021). Ekosistem Dakwah Digital: Cabaran Masa Depan Dunia Dakwah. *Prosiding Simposium Dunia Dakwah Digital*, 1–24.

Habibah @ Artinie Ramlie, Zaharah Hussin, Saedah Siraj, Mohd Ridhuan Mohd Jamil, Ahmad Arifin Safar, & Norshahrul Marzuki Mohd Nor. (2016). Keperluan Profesionalisme Guru Pendidikan Islam (GPI) Dalam Aspek Pengajaran. *E-Jurnal Penyelidikan Dan Inovasi*, *3*(3), 85–109.

Halim, Z. Z. A., Azmi, D. S., & Marni, N. (2019). Media Sosial Dan Trend Penggunaan Menurut Islam. *Prosiding Seminar Sains Teknologi Dan Manusia 2019 (SSTM'19)*, 1–16.

Juhana Salim, Sharhida Zawani Saad, & Mohd Shahizan Othman. (2011). Penggunaan bioinformatik berstrategik sebagai wadah dakwah islam. *Jurnal Hadhari*, *3*(1), 1–20.

Kamarudin, M. A., Mustafa Kamal, M. S., & Safar, A. @ J. (2019). Media Sosial Dan Dakwah Menurut Islam. *Prosiding Seminar Sains Teknologi Dan Manusia 2019 (SSTM'19)*, 131–142.

Kamarul Azmi Jasmi, & Mohd Faeez Ilias. (2011). Penggunaan Masjid dan Persekitaran Sekolah dalam Amalan Pengajaran dan Pembelajaran Guru Cemerlang Pendidikan Islam Sekolah Menengah di Malaysia. *Seminar Pengurusan Masjid Inovatif Peringkat Antarabangsa*.

Majid, M. N. A., Isa, A. S. M., Fathie, N. H. B. A., & Hassan, S. N. S. (2022). Dakwah Melalui Penggunaan Media Sosial: Peluang Atau Cabaran? *Persidangan Antarabangsa Sains Sosial Dan Kemanusiaan Ke*, *7*, 1083–1097.

Mohamed Mokhtar, M. M. (2021). Penggunaan Media Sosial Sebagai Medium Dakwah Islam Dalam Kalangan Penduduk. *International Journal of Humanities Technology and Civilization (IJHTC)ONLINE) IJHTC Issue*, *11*, 90–107.

Nawi, M. Z. M. (2021). Peranan Guru Pendidikan Islam Dalam Membawa Transformasi Terhadap Mobiliti Sosial Dalam Masyarakat. *Jurnal Islam Dan Masyarakat Kontemporari*, *3*, 178–188.

Noor Azimah Surip, Khadijah Abdul Razak, & Ab. Halim Tamuri. (2019). Tahap Amalan Kerjasama Guru Pendidikan Islam (GPI) Melalui Syura dalam Pengurusan Pendidikan Dakwah di Sekolah. *Tinta Artikulasi Membina Ummah*, *5*(1), 19–29.

Noornajihan Jaafar, & Zetty Nurzuliani Rashed. (2015). Model Kualiti Guru Pendidikan Islam Sebagai Murabbi. *Tinta Artikulasi Membina Ummah*, *1*(1), 101–108.

Nor Raudah Siren, Norhana Mohamaed Salleh, & Azrin Ab. Majid. (2016). *Vaksinasi Ummah Menerusi Jalan Dakwah* (Nor Raudah Siren, Ed.). Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya.

Norazam Nordin, M., Mohammed Noor, A., & Ismail, N. (2022). Cabaran Dan Peranan Dakwah Semasa Pandemik Covid-19 Dalam Kalangan Remaja Islam Di Pontian, Johor. *Jurnal Pengajian Islam*, *15*, 273–287.

Othman, M. B., & Badruddin, M. N. (2020). Analisis Mesej Dakwah Islamiah Dalam Halaman Facebook. *Asian People Journal (APJ)*, *3*(SI1), 41–51.

Razaleigh Muhamat @ Kawangit. (2016). *Peranan Guru Pendidikan Islam Dalam Pengurusan Aktiviti Dakwah di Sekolah*. *April 2014*.

Rosline, A. K., & Latif, M. S. A. (2021). Pendidikan Tinggi Dakwah Digital: Antara Keperluan Dakwah Dan Industri. *Prosiding Simposium Dunia Dakwah Digital*, 43–57.

Rosnijah Arolah, & A'dawiyah Ismail. (2019). Peranan guru pendidikan Islam membentuk akhlak pelajar di sekolah menengah kebangsaan daerah Kunak Sabah. *Al-Hikmah*, *11*(1), 74–87.

Siti Fatihah Osman. (2023). Faktor Bahan Bantu Mengajar yang Menyokong Pengamalan Pemikiran Kritis Guru Pendidikan Islam dalam Meningkatkan Kemahiran Pembelajaran Abad Ke-21. *Sains Insani*, *8*(1), 51–57.

Wan Ali Akbar Wan Abdullah, Khadijah Abdul Razak, & Mohd Isa Hamzah. (2021). Model Guru Pendidikan Islam Komprehensif. *ASEAN Comparative Education Research Jounral on Islam and Civilization*, *4*(1), 63–74.

Zakaria, N., Ali Haniffa, M., & Hadi Tengah, H. (2020). Pembangunan Kompetensi Global Guru Pelatih Institut Pendidikan Guru Di Malaysia Bagi Mendepani Cabaran Pendidikan Era Revolusi Industri. Satu Kajian Kes. *International Research Journal of Education and Sciences (IRJES)*, *4*(July).

Zamri, I. H. M., & Osman, K. (2022). Pendekatan Dakwah Menerusi Pakaian Dan Fesyen Islamik. *Seminar Dakwah & Wahdah Al-Ummah 2022*, *July*, 1–20.